

MANTAP... Selain beramal, Pertandingan Golf Amal SUKSIS yang berlangsung di Darul Aman Golf dan Country Club turut membina hubungan yang lebih akrab antara UUM, PDRM dan masyarakat.

UUM ONLINE: Anak muda yang baru berusia 16 tahun, Muhammad Thaznim Hamdan menampilkan aksi memukau sehingga melayakkannya muncul juara Pertandingan Golf Amal SUKSIS sekali gus menewaskan 111 pemain yang lain.

Pelajar dari Sekolah Menengah Jitra berjaya membawa pulang hadiah LCD Plasma LG 32' melahirkan rasa syukur di atas kemenangan yang tidak dijangka ini.

"Saya mula bermain golf sejak berumur enam tahun apabila sering mengikut ayah dan ibu.

"Pada mulanya saya bermain secara suka-suka sahaja namun mula serius semasa berumur 10 tahun setelah mewakili Majlis Sukan Sekolah Sekolah Kedah (MSSK) dan Majlis Sukan Sekolah Malaysia (MSSM) pada 2005," katanya.

Bertitik tolak daripada itu, beliau terlibat secara aktif dalam kejohanan yang dianjurkan sama ada di Malaysia mahupun luar negara dengan mencipta kejayaan membanggakan.

Antaranya, menggondol pingat emas dalam Asean Schools Games 2010 (Team Event) dan Kejohanan Empat Penjurong pada Julai lalu, tempat kedua dalam MSSM dan tempat ketiga dalam Darul Aman Master 2009.

"Tanpa sokongan ibu bapa, saya tidak akan berada pada tahap ini kerana mereka banyak mengorbankan masa, tenaga dan wang untuk mencorak masa depan sekali gus menjadi perangsang untuk saya melangkah dengan lebih jauh.

"Saya menyimpan impian untuk menjadi pemain golf profesional pada usia 20 tahun namun pelajaran tetap menjadi keutamaan dan akan berusaha gigih mencapai kejayaan dalam kedua-dua bidang," katanya yang juga anak staf Universiti Utara Malaysia (UUM).

Pertandingan yang diadakan sempena ulang tahun ketujuh Kor Sukarelawan Siswa/Siswi Polis (SUKSIS) menyaksikan Mohd Noor Hakimi Che Ya dari UUM merangkul tempat kedua, Muhd Kashfi Md Zain (ketiga) dan Supt. Baharom Abu dari Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Kota Setar (keempat).

Acara yang disertai oleh anggota Polis Diraja Malaysia (PDRM), staf UUM dan orang awam itu bertujuan membantu pelajar UUM, anak-anak yatim dan balu-balu anggota polis yang memerlukan.

Sementara itu, Ketua Polis Kedah, DCP Dato' Syed Ismail Dato' Syed Azizan berkata, acara ini memberi impak yang besar dalam membentuk jaringan dan hubungan akrab antara organisasi awam dan anggota polis khususnya di Zon Utara.

"Kami di peringkat kontingen sentiasa menyambut baik inisiatif SUKSIS dan bersedia membantu ke arah mencapai matlamat dalam mengumpulkan dana, bermain golf sambil beramal untuk disalurkan kepada anak-anak polis yang menuntut di UUM.

"Sambutan yang diterima sangat menggalakkan dan berkemungkinan besar acara ini akan menjadi acara tahunan," ujarnya dalam pertandingan yang julung kali diadakan di Darul Aman Golf dan Country Club, Jitra, kelmarin.

Manakala Naib Canselor UUM, Prof. Dr. Mohamed Mustafa Ishak menyifatkan usaha ini sebagai peranan sosial yang menyumbang kepada masyarakat untuk membantu mencari dana di samping menjadi dimensi sosial untuk mengeratkan hubungan silaturahim.

Tambahnya, program itu juga dapat mempromosikan sukan golf dalam kalangan ahli-ahli SUKSIS, kakitangan UUM dan PDRM sekali gus menyokong kewujudan Pusat Kecemerlangan Sukan Golf di universiti.

"Aktiviti sebegini dapat meningkatkan kualiti pemain golf untuk turut serta bersosial serta menjadi medan jaringan perhubungan dan pertukaran maklumat antara ahli SUKSIS, PDRM dan masyarakat di samping menghulurkan bantuan," jelasnya.

Habis.